

MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH SIRI IV SEKOLAH MENENGAH AGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI, POLITIK DAN DAKWAH (1 FEBRUARI 1993).

MAJLIS PERASMIAN (minit ke 31.15-di tengah-tengah)

-Gimik selawat-

(Pengerusi Majlis)

Assalamualaikum w.b.t.

Yang amat berhormat Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mukhtar bin Ahmad, Menteri Besar Negeri Terengganu Darul Iman, yang berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu, ahli-ahli yang berhormat, yang berbahagia Puan Habibah Zul, mewakili yang berbahagia Dato' Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, yang berbahagia pengkisah-pengkisah jemputan, yang berbahagia dato'-dato', yang berusaha pengerusi dan ahli jawatankuasa majlis pengkisahan sejarah siri ke-4, yang berbahagia ketua-ketua jabatan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, saudari-saudara yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniannya dapat kita sama-sama berada dalam majlis upacara perasmian majlis pengkisahan sejarah siri ke-4 ini. Terlebih dahulu majlis ini mengucapkan selamat datang dan terima kasih khasnya kepada yang amat berhormat Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mukhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu Darul Iman yang dikasihi yang mana telah meluangkan masa dan seterusnya akan menyempurnakan majlis perasmian majlis pada pagi yang berbahagia ini.

Hadirin yang saya muliakan,

Antara lainnya objektif majlis pengkisahan ini ialah untuk mendapatkan maklumat secara mendalam terhadap sesuatu peristiwa yang bersejarah di negara ini khususnya di negeri Terengganu Darul Iman. Juga untuk merenung kembali peristiwa bersejarah yang berlaku di negara ini dan menanamkan semangat cintakan tanah air. Untuk mengumpulkan maklumat mengenai sejarah Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu untuk menggalakkan penulisan semula sejarah tempatan.

Yang amat berhormat, yang berhormat dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang kami hormati sekalian,

Bagi memulakan aturcara majlis pada pagi yang berbahagia ini, majlis dengan hormatnya mempersilakan yang berbahagia Ustaz Haji Muhamad bin Abu Bakar, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu untuk membacakan doa. Dipersilakan dengan hormatnya al-ustaz Muhamad bin Abu Bakar.

-bacaan doa-

(Pengerusi Majlis)

Majlis mengucapkan terima kasih kepada yang berbahagia Ustaz Haji Muhamad bin Abu Bakar.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

Seterusnya ucapan aluan oleh yang berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu. Majlis dengan hormatnya mempersilakan yang berhormat dato'.

(Ucapan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah)

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillahrabbi'l'amin wabihi nasta'in.

Saudara pengerusi majlis, yang amat berhormat Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Wan Mukhtar Ahmad, Menteri Besar Negeri Terengganu Darul Iman, yang berbahagia Puan Habibah mewakili Dato' Zakiah Hanum, Ketua Pengarah Arkib Negara, yang berbahagia Sahibus Samahah Al- Mufti, saudara Haji Mukhar, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pengkisahan Sejarah Koleksi Negeri Terengganu, pengerusi-pengerusi bengkel, tokoh-tokoh pengkisah, guru besar Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin, tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan, puan-puan, saudara saudari yang saya hormati sekalian.

Bagi pihak jawatankuasa koleksi negeri Terengganu, sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada yang amat berhormat Dato' Seri Amar Diraja kerana dapat meluangkan masa untuk 2 pekerjaan pada pagi ini. Yang pertama merasmikan majlis pengkisahan sejarah siri yang ke-4 dan telah sudi mengambil bahagian sebagai salah seorang daripada pengkisah, sebagai salah seorang daripada tokoh pengkisahan sejarah kita kali ini. Terima kasih kami kepada Puan Habibah yang dalam keadaan tergopoh-gapah saya percaya hadir mewakili yang berbahagia Dato' Ketua Pengarah Arkib Negara. Dan terimalah rasa terhutang budi dan penghargaan yang tinggi daripada saya dan ahli-ahli jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu, jawatankuasa pengelola pengkisahan sejarah, kepada tokoh-tokoh pengkisah sejarah kita yang terdiri

daripada yang berbahagia Dato' Sheikh Mahmud, bekas guru besar yang lama berkhidmat di Sekolah Zainal Abidin ini, kepada yang berbahagia Dato' Perwira Negara, salah seorang daripada bekas pelajar sekolah ini, yang berbahagia Prof. Madya Dr. Shafie Abu Bakar juga salah seorang daripada pelajar sekolah ini dan juga teristimewanya kepada yang amat berhormat Dato' Seri Amar Diraja sendiri sebagai seorang pelajar dan pernah berkhidmat sebagai seorang guru di sekolah ini. Kepada pengerusi-pengerusi yang terdiri daripada Encik Wan Taqwa, yang berbahagia Dato' Ismail Ali, pengulas-pengulas yang terdiri daripada Ustaz Wan Sulong, Ustaz Ismail Yahya, yang berbahagia Dato' Setia Bakti, Dato' Haji Wan Manan bin Chik, kami bagi pihak Koleksi Negeri Terengganu merasa terhutang budi kerana kesanggupan dan kesediaan yang berbahagia dato'-dato', tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Sebelum majlis ini telah berlalu 3 siri pengkisahan sejarah yang kami tumpukan kepada pendidikan agama di Terengganu termasuklah pendidikan pondok, pentadbiran Islam negeri Terengganu, dan hari ini kita masuk kepada satu perkara yang ada hubungannya dengan hal-hal yang saya sebutkan itu. Koleksi Negeri Terengganu yang ditubuhkan beberapa tahun yang lalu telah dapat menyusun beberapa usaha kecil dan sederhana untuk menghimpun sesuatu yang difikirkan munasabah untuk dihimpun, dikekalkan dan kemudiannya didedahkan dalam bentuk pameran dan sebagainya kepada orang ramai. Seperti dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, sebenarnya banyak perkara yang hendak dihimpun, dipungut, dicollect. Dalam hal ini menjadi satu masalah kepada kita apakah di antara yang banyak itu yang perlu dipilih. Jadi sehingga ini kami telah membahagikan himpunan ini dalam beberapa tajuk. Tajuk yang pertama yang telah diusahakan ialah berhubung dengan penulisan dan penulis-penulis negeri Terengganu. Kami tidak mahu mendakwa bahawa apa yang kami himpun dan apa yang kami simpan sekarang lengkap. Tapi sebahagian besar hasil-hasil karya yang telah dilakukan oleh penulis-penulis Terengganu daripada dulu sehingga sekarang ada dalam simpanan kami. Tapi kami percaya tidak lengkap, tidak sempurna. Yang tidak lengkap, tidak sempurna, ruang-ruang yang kosong inilah selalunya kami minta diisi oleh semua pihak, oleh penulis sendiri, oleh peminat-peminat dan sebagainya.

Kemudian yang ke-2, tajuk yang ke-2 kami kerjakan sesuatu yang ada hubungannya dengan Islam di Terengganu. Bermula dari kedatangan Islam Terengganu, perkembangannya dan sebagainya. Dan puncak usaha kami ini ialah 2 tahun yang lalu telah dapat sama-sama kita saksikan satu pameran iaitu pameran Islam di Terengganu. Puncak kerja kami ini juga dapat saya sebutkan barangkali dalam bentuk 1 penerbitan buku yang dihasilkan oleh seorang sarjana yang berasal di Terengganu iaitu ulama'-ulama' Terengganu. Dan kami sedang

menguruskan penerbitan buku yang ke-2 di bawah jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu ini iaitu mengeluarkan kertas-kertas dan seminar Islam di Terengganu yang telah diadakan beberapa tahun yang lalu.

Alhamdulillah, yang amat terhormat dato', dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sehingga ini dalam waktu yang agak terbatas dan dengan usaha-usaha yang dikerjakan oleh beberapa orang yang tidak begitu professional kita dapat membuat beberapa himpunan-himpunan maklumat yang penting. Dan saya merasa bangga kerana Perpustakaan Awam Terengganu, beberapa orang pegawainya di sana sedia bertugas sebagai urusetia kepada Koleksi Negeri Terengganu. Juga saya mendapat bantuan dan kerjasama yang sangat baik dari Arkib Negara cawangan pantai timur terutamanya daripada pengarahnya, Tuan Haji Mukhtar dan juga pengarah sebelumnya. Dan sehingga ini dalam siri pengkisahan sejarah ini kami mendapat kerjasama yang sangat baik, kesudian yang tidak ternilai harganya daripada beberapa orang tokoh, sama ada yang masih bersama-sama dengan kita ataupun yang telah pergi. Dalam majlis hari ini kita merasa bertuah kerana dapat bersama-sama dengan yang amat terhormat dato' menteri besar, dapat bersama-sama dengan Dato' Sheikh Mahmud yang terpaksa saya diberitahu menanggungkan perjalannya ke Mekah untuk bersama-sama dengan kita.

Pengkisahan sejarah hari ini dan yang lalu kita buat dalam bentuk tulisan dan juga dalam rakaman video. Entah katakanlah kalau video ini musnah, masih ada lagi, masih ada lagi rakaman kita dalam bentuk tulisan. Dan kita juga bercadang untuk menyebarkan rakaman-rakaman video pengkisahan yang ke-4, yang ke-3, yang ke-2 dan yang pertama untuk makluman pembacaan dan sebagainya daripada pihak yang merasa berkepentingan berbuat begitu dan hubungilah kami, hubungilah Perpustakaan Awam Negeri Terengganu untuk mendapatkan salinan-salinan rakaman video ini.

Yang amat terhormat dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selepas ini kami bercadang, jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu bercadang untuk menumpukan perhatian kepada masalah perkembangan ekonomi Terengganu. Tuan-tuan dan puan-puan dapat bayangkan bila kita bercakap berhubung dengan pembangunan ekonomi negeri Terengganu, betapa luasnya bidang itu. Dan kita sendiri tidak tahu apakah aspek-aspek yang patut kita kumpulkan di dalam bidang yang begitu luas. Walau bagaimanapun saya percaya, saya akan seterusnya mendapat kerjasama daripada orang ramai. Dalam majlis, dalam usahakan pengkisahan pengkisahan sejarah hari ini saya mendapat kerjasama daripada guru besar, daripada pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, daripada Muzium Negeri

Terengganu dan beberapa pihak yang lain yang bukan sahaja mengatur majlis ini di dalam dewan ini tetapi selepas ini kita juga dapat melihat satu pameran yang sederhana. Saya selaku pengerusi meminta maaf kepada pengerusi pengelola, Tuan Haji Mukhtar dan ahli-ahli jawatankuasanya kerana tidak dapat memenuhi banyak permohonan-permohonan yang semuanya ada hubungannya dengan duit. Jadi dalam hal ini saya rasa saya agak kedekut sikit. Jadi saya harap barangkali pada masa yang lain kita dapat berbelanja lebih sedikit. Jadi saya pun merasa tidak senang kalau kita berbelanja lebih daripada patutnya kerana majlis yang seumpama ini. Jadi saya haraplah pihak Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin dapat memahami masalah ini.

Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada yang amat terhormat Dato', kepada yang berbahagia Puan Habibah dan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan pengkisahan ini. Cuma saya merasa kurang gembira sikit kerana sambutan tidak begitu menggembirakan. Setelah kita cuba menghebahkan seberapa luas yang boleh melalui surat khabar, melalui radio tempatan dan juga jemputan-jemputan. Barangkali adalah salah di mana-mana menyebabkan mereka tidak tahu adanya majlis yang seumpama ini. Ataupun mungkin satu hal yang lazim, hari Sabtu ini masing-masing mempunyai program-program yang tertentu yang menghalang di sana sini kita berkumpul di dewan ini pada hari ini. Jadi walau bagaimana pun saya percaya dengan kehadiran tokoh-tokoh yang ada di depan kita ini, yakin saya majlis pengkisahan siri ke-4 ini akan berjaya. Terima kasih. Wassalamualaikum w.b.t.

(Pengerusi Majlis)

Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang terhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Hadirin yang saya muliakan,

Seterusnya ucapan oleh yang berbahagia Puan Habibah, mewakili yang berbahagia Dato' Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan yang berbahagia Puan Habibah.

(Ucapan Yang berbahagia Puan Habibah)

Bismillahirrahmanirrahim. Asslamualaikum w.b.t.

Yang amat terhormat Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mukhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu, yang terhormat Dato' Haji Rashid bin Ngah, EXCO Kerajaan Negeri Terengganu juga selaku Pengerusi Jawatankuasa

Koleksi Terengganu, dato'-dato', pengkisah-pengkisah pada hari ini, tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian. Terlebih dahulu saya bagi pihak Ketua Pengarah Arkib Negara, yang berbahagia Dato' Zakiah Hanum ingin menyampaikan salam beliau dan beliau meminta maaf kerana tidak dapat hadir bersama-sama kita pada pagi ini kerana beliau kurang sihat sedikit. Bagi pihak Arkib Negara saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan negeri khususnya kepada yang amat berhormat menteri besar dan ahli-ahli jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu yang telah berusaha menganjurkan siri pengkisahan sejarah pada kali ini yang amat besar ertinya bagi simpanan dan pendidikan sejarah pada masa akan datang.

Tujuan utama siri pengkisahan sejarah ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat terus dari tokoh-tokoh mengenai sesuatu peristiwa sejarah atau peranan dan sumbangan yang mereka berikan kepada sesuatu peristiwa untuk mengisi jurang yang terdapat pada sesuatu rentetan peristiwa, untuk menambahkan lagi sumber bahan rujukan mengenai seseorang tokoh serta sesuatu peristiwa penting untuk menimbulkan minat orang ramai terhadap pentingnya tradisi pengumpulan bahan-bahan bersejarah sebagai bahan rujukan dan untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang bernilai sejarah supaya tidak hilang dan lupakan. Sebagai sebuah institusi kerajaan yang diamanahkan mengumpul dan menyelamatkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat sejarah negara, pihak Arkib Negara sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi mencapai matlamat ini. Melalui penyertaan Arkib Negara di dalam jawatankuasa Koleksi Terengganu adalah diharapkan maklumat-maklumat bersejarah khususnya bagi negeri Terengganu dapat digali, dikumpul dan diselamatkan untuk dijadikan bahan penyelidikan bagi generasi akan datang.

Sesungguhnya siri pengkisahan sejarah yang diadakan pada hari ini yang bertajuk Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin dan sumbangannya terhadap pembangunan sosio-ekonomi, politik, dan dakwah adalah amat besar ertinya kepada negeri Terengganu dan kepada negara Malaysia. Ini adalah kerana sekolah ini yang telah ditubuhkan pada tahun 1925 telah melahirkan ramai tokoh-tokoh terkenal dan terkemuka di peringkat antarabangsa, negara dan negeri dan ada yang turut hadir bersama-sama kita pada hari ini. Sudah tentulah banyak maklumat-maklumat yang dapat dikumpulkan melalui sebahagian dari tokoh-tokoh yang dijemput pada hari ini. Namun masih terdapat maklumat-maklumat yang tidak dapat dikumpulkan dari tokoh-tokoh lulusan sekolah ini.